

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2 / 2011**

=====

**PENGENAAN DENDA KE ATAS HAKMILIK ATAU SURATCARA  
URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA YANG LEWAT DIPUNGUT**

-----

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pengenaan denda ke atas hakmilik atau suratcara urusanniaga dan bukan urusanniaga yang lewat dipungut dan pindaan tarikh kuat kuasa pengenaan denda ke atas hakmilik atau suratcara urusanniaga dan bukan urusanniaga yang lewat dipungut dengan pindaan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 16 / 2010.

**2. KAEDAH PELAKSANAAN**

Pengenaan denda sebanyak **RM100.00** akan dikenakan ke atas setiap hakmilik atau suratcara urusanniaga dan bukan urusanniaga yang **tidak dipungut selama tujuh (7) hari bekerja dari tarikh didaftarkan**, di bawah Kaedah 21 butiran 85, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2011 . **Tarikh didaftarkan adalah dikira selepas tempoh 24 jam perserahan suratcara urusanniaga dan bukan urusanniaga dibuat.**

3. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTGS Bil. 16/2010 dengan pindaan kepada Perenggan 4 Pekeliling PTGS Bil. 16/2010 dengan memotong perkataan "*dan pengenaan denda lewat pungutan hakmilik atau suratcara urusniaga*".
- 3.2 Pelaksanaan arahan di dalam perenggan 3.2 Pekeliling PTGS Bil. 16/2010 dan perenggan 2 Pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 15 Mac 2011.**

  
(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 15 Mac 2011